

BUDAYA BAHASA TULISAN PELAJAR KOLEJ UNIVERSITI ISLAM ANTARABANGSA SELANGOR (KUIS)

Norhasliza Ramli
norhasliza@kuis.edu.my

Norfazila Ab. Hamid
norfazila@kuis.edu.my

Riduan Makhtar
riduan@kuis.edu.my

Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor (KUIS)

ABSTRAK

Kemampuan berbahasa manusia dapat diukur dan dilihat melalui dua medium utama, iaitu menerusi bahasa lisan dan bahasa tulisan. Bagaimanapun, fokus penulisan ini ialah untuk melihat budaya bahasa tulisan pelajar KUIS yang ditemui oleh pengkaji semasa menyemak penulisan esei pelajar bagi peperiksaan akhir bahasa Melayu. Melalui skrip jawapan pelajar, pengkaji dapati bahawa terdapat sebilangan besar penulisan esei pelajar banyak meminggirkan aspek morfologi dan sintaksis semasa menulis. Pelajar masih menggunakan bahasa dalam pesanan ringkas (sms) atau Whatsapp, ejaan yang salah, penggunaan tanda bacaan yang salah, dan penggunaan bahasa rojak dan lain-lain kesalahan bahasa.

Kata kunci; *budaya, bahasa tulisan, pelajar KUIS.*

Pendahuluan

Pelajar KUIS diwajibkan mengambil mata pelajaran bahasa Melayu 3 dan bahasa Melayu 4 yang diletakkan bawah komponen U2. Mata pelajaran Bahasa Melayu 3 dikhususkan untuk para pelajar peringkat Diploma sementara Bahasa Melayu 4 dikhususkan untuk para pelajar peringkat Ijazah. Walaupun semua pelajar ini mendapat keputusan yang cemerlang mahupun kepujian dalam mata pelajaran bahasa Melayu pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia (SPM), tetapi ia bukanlah satu kayu ukur yang tepat dan perlu merasa selesa lantas mengatakan bahawasanya para pelajar ini benar-benar menguasai bahasa Melayu tulisan mereka dengan cemerlang.

Permasalahan Kajian

Berdasarkan pemerhatian secara langsung pengkaji sebagai pensyarah yang mengajar subjek bahasa Melayu selama lebih 15 tahun di Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor (KUIS),

pengkaji dapati rata-rata pelajar masih tidak menguasai kemahiran tulisan dengan sewajarnya padahal pelajar sudah berada di alam universiti dan melepasi penilaian bahasa Melayu yang besar pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia. Hal ini kerana pada setiap semester pengajian, pengkaji akan bertanya kepada pelajar, apakah gred yang diperoleh oleh pelajar untuk mata pelajaran bahasa Melayu semasa peringkat menengah, iaitu Sijil Pelajaran Malaysia (SPM)? Rata-rata pelajar memperoleh gred yang sangat baik dan cemerlang. Melihat kepada situasi tersebut, pada ketika itu, pengkaji berasa lega dan beranggapan tentulah tahap penguasaan bahasa Melayu pelajar tidak bermasalah. Yang menariknya, masalah timbul apabila pelajar diminta untuk melunaskan beberapa bentuk tugas kerja kursus pelajar seperti penulisan karya kreatif dan penulisan ilmiah. Setelah menyemak hasil penulisan bagi tugas tersebut, pengkaji menyedari bahawa penguasaan bahasa tulisan pelajar sebenarnya 'indah khabar dari rupa'. Gred yang diperolehi oleh mereka semasa SPM untuk mata pelajaran bahasa Melayu tidak menggambarkan perkara yang sepatutnya. Perkara yang sama terjadi, apabila pengkaji menyemak penulisan esei pelajar dalam peperiksaan akhir. Lantas, penulis kategorikan penguasaan penulisan pelajar berada pada tahap sederhana sahaja. Hal ini menunjukkan bahawa kemahiran bahasa tulisan sangat penting, kerana perkataan, ayat yang gramatis dan betul dari sudut tabahasa adalah penentu untuk mendapat markah penuh bagi penulisan esei pelajar.

Objektif Kajian

Setelah melihat kepada permasalahan kajian di atas, maka kajian ini dilakukan untuk mencapai objektif-objektif seperti berikut:

Mendedahkan bentuk-bentuk kesalahan bahasa tulisan pelajar KUIS.

Membetulkan bentuk-bentuk kesalahan bahasa tulisan pelajar KUIS.

Metodologi Kajian

Bagi mencapai objektif kajian, pengkaji telah meneliti penulisan esei pelajar KUIS yang mengambil subjek bahasa Melayu 3 dan bahasa Melayu 4. Pensyarah mengambil data kesalahan pelajar secara rawak bagi kedua-dua peringkat mata pelajaran. Para pelajar ini terdiri daripada pelajar Diploma dan Ijazah Sarjana Muda dari Fakulti Pengurusan dan Muamalah (FPM), Fakulti Pengajian Peradaban Islam (FPPI), Fakulti Pengajian Sains dan Teknologi Maklumat (FSTM). Peruntukan markah bagi penulisan esei merangkumi markah isi dan markah bahasa. Jika pelajar mendapat markah penuh untuk isi, iaitu semua faktanya tepat, tetapi pelajar juga turut melakukan sebarang kesalahan bahasa seperti kesalahan ejaan atau kesalahan tatabahasa yang lain, maka markah pelajar akan ditolak. Pengkaji membuka satu per satu skrip jawapan secara rawak, lalu merekod jenis-jenis kesalahan pelajar. Didapati banyak bentuk kesalahan morfologi dan sintaksis yang sama dan berulang-ulang dilakukan oleh pelajar yang sama mahupun pelajar yang berlainan. Kesalahan bahasa yang berulang-ulang inilah yang menarik perhatian pengkaji. Bentuk-bentuk kesalahan bahasa ini akan dihurai satu per satu dalam bahagian analisis data. Penerangan dan huraian tatabahasa pengkaji adalah berdasarkan buku nahu pegangan negara, iaitu Tatabahasa Dewan.

Dapatan Kajian Dan Perbincangan

Setelah pengkaji menganalisis skrip jawapan pelajar, didapati rata-rata pelajar meminggirkan aspek morfologi dan sintaksis semasa menulis. Berikut diperturunkan budaya bahasa tulisan pelajar KUIS yang ditemui oleh pengkaji, iaitu:

Kesalahan morfologi

Berikut pengkaji perturunkan ejaan yang kerap disalah eja oleh ramai pelajar;

Kesalahan ejaan

Bil.	Perkataan	Ejaan yang ditulis oleh pelajar
1.	slaid	<p>i. selaid</p> <p>Ejaan seperti ejaan fonemik (dieja sebagaimana dibunyikan), walhal tiada ejaan sebegini untuk perkataan pinjaman daripada bahasa Inggeris. Kemasukan vokal e-pepet antara huruf s dan l adalah menyalahi peraturan ejaan yang ditetapkan oleh Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP).</p> <p>ii. slide</p> <p>Ejaan sebegini terang-terangan ditulis oleh sebahagian besar pelajar, sedangkan ini adalah penulisan esei bahasa Melayu. Perkataan <i>slide</i> adalah perkataan asli bahasa Inggeris. Dalam bahasa Melayu ejaannya tertakluk kepada ejaan transkripsi, iaitu sebutan kekal bunyi sebutan bahasa Inggeris, tetapi ejaan mengikut ejaan bahasa Melayu sebagaimana panduan yang digariskan oleh DBP.</p>
2.	audiens	<p>audien</p> <p>Asal perkataan ini daripada bahasa Inggeris, iaitu 'audience'. Melalui proses penyerapan ejaan, sebarang sebutan bunyi 'nce' dalam bahasa Inggeris akan berubah ejaannya kepada 'ns', maka ejaan sebenar akan menjadi 'audiens' dalam bahasa Melayu.</p>
3.	kontroversi	Kontroversal, kontervesi

		Sepatutnya ejaan sebenar ialah ‘kontroversi’ atau ‘kontroversial’. Hal ini kerana perkataan dalam bahasa Inggeris ialah ‘controversial’. Mengikut garis panduan ejaan oleh DBP, hanya huruf ‘c’ sahaja yang ditukar secara penyesuaian ejaan kepada ‘k’ dalam bahasa Melayu. Ejaan huruf-huruf yang lain diserap sepenuhnya (proses penyerapan ejaan), iaitu kekal kepada ejaan daripada bahasa sumber asal.
4.	pengalaman	Pengalaman Perkataan ini tidak sepatutnya dieja salah oleh pelajar. Pelajar sepatutnya mengeja sebagai ‘pengalaman’.
5.	khusus	Uhusus Begitu juga dengan perkataan ini. Ejaan yang sebenar ialah ‘khusus’. ‘Khusus’ ialah perkataan pinjaman daripada bahasa Arab.
6.	langsung	Lansung Kesalahan ejaan lain yang paling kerap ditemui semasa pelajar menulis esei ialah perkataan ‘langsung’ yang dieja sebagai ‘lansung’. Pelajar cenderung menghilangkan konsonan ‘g’ apabila menulis.
7.	kebiasaannya	Kebiasaanya Satu lagi perkataan yang paling dominan kerap dieja salah ialah ‘kebiasaannya’. Pelajar cenderung untuk menghilangkan konsonan ‘n’. Sepatutnya, konsonan ‘n’ perlu dieja dengan dua ‘n’, barulah sebutan suku katanya jelas.
8	Faham, televisyen, pengerusi	Paham, television, pengurus.

Kesalahan penulisan ‘diantara’

Pengkaji dapati ramai pelajar masih tidak dapat bezakan cara penulisan ‘di’ yang dijarakkan ejaan dengan ‘di’ yang dirapatkan ejaan. Dalam hal ini, pelajar didapati merapatkan ejaan menjadi ‘diantara’, sedangkan ejaan sepatutnya perlu dijarakkan dan ditulis sebagai ‘di antara’. Penulisan ‘di’ yang dijarakkan ejaan ialah untuk menulis kata sendi nama. Menurut Nik Safiah et al (2013) perkataan ‘antara’ yang berfungsi sebagai kata sendi nama dapat juga berfungsi sebagai kata arah.

Sebagai kata sendi nama, antara hadir di hadapan kata nama atau frasa nama yang membawa pengertian lingkungan yang tidak mempunyai ruang atau jarak. Contoh yang diberikan oleh Nik Safiah et al (2013) ialah Mereka berbincang *antara* adik-beradik bukannya Mereka berbincang di antara adik-beradik.

Kesalahan penulisan kata ganti nama diri ‘ianya’

Selain itu, ramai pelajar menulis ‘ianya’ secara serentak apabila menulis ayat. Misalnya dalam skrip jawapan, ada antara pelajar yang menulis:

Ianya melibatkan empat orang dan seorang pengerusi majlis.

Ianya melibatkan soal jawab bersama tokoh yang terpilih untuk memberikan buah fikiran...

Walhal, ‘ia’ dan ‘nya’ adalah dua entiti yang berbeza fungsinya. Sepatutnya, ayat tersebut ditulis,

Ia melibatkan empat orang dan seorang pengerusi majlis.

Ia melibatkan soal jawab bersama tokoh yang terpilih untuk memberikan buah fikiran...

‘Ia’ dan ‘nya’ dikenal sebagai kata ganti nama diri, dan lebih tepat lagi diletakkan di bawah kata ganti nama diri orang. Menurut Nik Safiah et.al (2013) kata ganti nama diri orang ialah jenis ganti nama yang merujuk manusia dan terdiri daripada tiga kategori, iaitu orang pertama, kedua, dan orang ketiga. ‘Ia’ dan ‘nya’ termasuk dalam kategori kata ganti nama diri orang ketiga. Bersama-sama contoh lain di bawah kategori kata ganti nama diri ketiga ialah dia, beliau, mereka, Ahmad dan baginda. Selain daripada contoh ia dan nya tiada masalah dari sudut penulisan. ‘Ia’ dan ‘nya’ selalu digabungkan menjadi satu perkataan sedangkan kedua-dua unsur bahasa tersebut menjalankan fungsi yang berbeza dalam ayat. Untuk lebih jelas, lihat ayat di bawah:

Virus Corona, datangnya ia secara mendadak.

Kesalahan penulisan kata sendi nama ‘di masa akan datang’, ‘disamping itu’, ‘diantara’.

Selain itu, kesalahan yang paling ketara pelajar lakukan dan berlaku saban semester ialah pelajar keliru tentang penulisan kata sendi nama. Contoh kesalahan penulisan tersebut ialah ‘disamping itu’, dan ‘diantara’. Sepatutnya, ejaan tersebut perlu dijarakkan penulisannya menjadi ‘di samping itu’ dan ‘di antara’. Sementara untuk ‘di masa akan datang’ sepatutnya pelajar perlu menggunakan kata sendi nama yang betul, iaitu ‘pada masa akan datang’.

Kesalahan penulisan imbuhan ‘di’ yang digunakan bersama-sama kata kerja.

Pelajar didapati sewenang-wenangnya menjarakkan tulisan pula bagi penulisan ‘di’ yang digabungkan dengan kata kerja. Pelajar memang betul-betul keliru antara kedua-dua penulisan ‘di’. Misalnya dalam skrip jawapan pelajar, perkataan

‘dibincangkan’, ‘dibuat’, ‘dicatat’, ‘dibaiki’ dipisahkan pula ejaannya. Cara terbaik untuk mengenal golongan kata kerja ialah pelajar boleh menguji kesahihan perkataan tersebut adalah benar kata kerja melalui padanan kata bantu aspek atau kata bantu ragam sebelum kata kerja tersebut. Sekiranya padanan tersebut tidak dapat dilakukan, maka golongan kata tersebut bukan kata kerja, tetapi mungkin dari golongan kata yang lain. Golongan kata lain seperti kata adjektif dan kata nama turut boleh dibuktikan kesahihan golongannya melalui ujian tertentu juga. Berbalik kepada ujian bagi menentukan kesahihan golongan kata kerja, pelajar boleh padankan aspek perkataan tersebut dengan kata bantu. Menurut Nik Safiah et.al (2013), kata bantu boleh dibahagikan kepada dua, iaitu kata bantu aspek dan kata bantu ragam. Contoh perkataan bawah kata bantu aspek ialah sedang, masih, telah, belum, akan dan sebagainya, sementara contoh kata bantu ragam misalnya, mahu, hendak, ingin dan lain-lain. Jadi, letakkan kata bantu di hadapan kata kerja misalnya sedang dibincangkan, akan dibuat, hendak dibaiki dan seterusnya.

Kesalahan penggunaan penanda wacana ‘justeru itu’.

Penggunaan penanda wacana sangat penting di dalam penulisan sesebuah esei bagi menghubungkan antara satu ayat dengan satu ayat atau antara satu perenggan ke satu perenggan berikutnya. Ia juga bakal mempersembah dan memperlihatkan arah aliran pemikiran penulis dan kesinambungan buah fikirannya yang mantap ketika menulis. Jadi, antara penanda wacana yang paling ‘laku’ digunakan oleh pelajar ketika menulis ialah ‘justeru itu’. Walau bagaimanapun, penggunaan yang tepat ialah ‘justeru’. Maksud ‘justeru’ ialah malahan atau ‘bahkan’. Dalam esei pelajar, kesalahan ini ketara dilakukan. Contoh:

Kesimpulannya, kita tidak dapat lari daripada membuat sesebuah laporan, lebih-lebih lagi kepada yang sudah berjaya. **Justeru itu**, sesuatu kemahiran untuk membuat sesebuah laporan perlulah dikuasai dan dititikberatkan supaya dapat membuat sesebuah laporan dengan lebih tepat, mudah dan cepat.

Sepatutnya perkataan tersebut ditulis dalam ayat sebagai:

Kesimpulannya, kita tidak dapat lari daripada membuat sesebuah laporan, lebih-lebih lagi kepada yang sudah berjaya. **Justeru**, sesuatu kemahiran untuk membuat sesebuah laporan perlulah dikuasai dan dititikberatkan supaya dapat membuat sesebuah laporan dengan lebih tepat, mudah dan cepat.

Kesalahan penggunaan ‘mengenai’.

Pengkaji dapati, perkataan ini antara perkataan yang pelajar keliru untuk menggunakannya. Perkataan ‘mengenai’ digolongkan sebagai kata kerja yang membawa maksud ‘kena pada’. Contohnya: Tembakan pemburu itu mengenai sasarannya. Berikut diperturunkan kesalahan penggunaan ‘mengenai’ dalam esei pelajar.

a. Forum ini akan membincangkan tajuk yang telah diberikan oleh pengerusi dan akan memberi peluang kepada penonton untuk menanyakan beberapa soalan **mengenai** tajuk yang sedang dibincangkan.

Sepatutnya pelajar perlu menggunakan perkataan yang tepat iaitu, ‘tentang’. Dalam buku Tatabahasa Dewan Edisi Ketiga, ‘tentang’ diletakkan di bawah golongan kata sendi nama yang digunakan sebagai unsur yang membawa maksud ‘rujukan’ sesuatu yang tidak tentu atau umum, atau mujarad, iaitu kata nama atau frasa nama yang mengikuti kata sendi nama menjadi ‘hal’ yang dibicara atau diperlakukan. Contohnya: Mereka berbincang tentang masalah negara bukannya Mereka berbincang mengenai masalah negara. Oleh itu, penggunaan perkataan dalam esei pelajar sepatutnya ditulis sebagai:

Forum ini akan membincangkan tajuk yang telah diberikan oleh pengerusi dan akan memberi peluang kepada penonton untuk menanyakan beberapa soalan **tentang** tajuk yang sedang dibincangkan.

Kesalahan penggunaan bahasa sms atau WhatsApp.

Suatu perkara yang kadangkala menggeletak hati pengkaji ketika melihat tulisan pelajar dan dalam masa yang sama kesal akan pelajar yang menggunakan bahasa sms ketika peperiksaan. Bahasa sms atau bahasa dalam Whatsapp boleh digunakan ketika di luar peperiksaan, tetapi sepatutnya pelajar mesti tahu membezakan situasi rasmi dan situasi tidak rasmi ketika menulis. Contoh perkataan popular bahasa sms yang dijumpai oleh pengkaji ialah dan tidak sepatutnya ditulis semasa peperiksaan bahasa Melayu ialah ‘utk’ (untuk), ‘yg’ (yang), ‘dll’ (dan lain-lain), ‘kpd’ (kepada), ‘pd’ (pada), dan ‘dlm’ (dalam).

Penggunaan tanda bacaan yang salah.

Tanda bacaan memainkan peranan yang penting ketika menulis. Jika pelajar salah menggunakan tanda bacaan, ia mampu memberi impak negatif kepada si penulis. Perkara sebegini, sepatutnya telah dihadap oleh pelajar di alam persekolahan lagi, seperti penggunaan tanda noktah, tanda koma, tanda seru dan sebagainya. Hal ini kerana ada kaitan rapat pula dengan penggunaan huruf kecil dan huruf besar. Misalnya, selepas tanda noktah, wajiblah perkataan pertama bermula dengan huruf besar dan tidak pula menggunakan huruf kecil di tengah-tengah ayat kecuali sekiranya perkataan tersebut adalah dalam golongan kata nama khas. Peraturan mudah ini pun pelajar gagal mengaplikasikannya dalam tulisan. Sebagai contoh, penulisan pelajar seperti berikut:

Di samping itu juga pada pengakhiran forum tersebut pengacara akan membuka soalan kepada Audien untuk bertanyakan soalan-soalan yang berkaitan yang di bincangkan dari pada forum tersebut.

Ada pelbagai kesalahan penulisan yang telah dilakukan oleh pelajar ini dan pengkaji telah mengupasnya satu per satu dalam perbincangan sebelum ini. Sepatutnya, pelajar menulis sebegini:

Di samping itu, pada pengakhiran forum tersebut pengacara akan membuka soalan kepada **audiens** untuk bertanyakan soalan-soalan yang berkaitan **perkara** yang **telah dibincangkan daripada** forum tersebut.

Kesalahan sintaksis

Kesalahan penulisan ‘apa’

Bagi kesalahan penulisan ‘apa’ kerap ditemui oleh pengkaji dalam mana-mana penulisan esei, sama ada semasa latihan pengukuhan di dalam kelas mahupun semasa peperiksaan akhir. Walaupun telah ditegur oleh pensyarah di dalam kelas, dan diingatkan peraturan penggunaannya, tetapi tetap akan ada pelajar yang akan mengulangi kesalahan penggunaan ‘apa’ ketika peperiksaan. Ini terbukti dalam skrip jawapan pelajar, ada pelajar menulis ayat sebegini:

- a. Laporan ini mengulas tentang **apa** yang diperoleh dan didapati selepas tamat suatu sesi.
- b. Ulasan ini menceritakan tentang **apa** yang terjadi pada sepanjang tahun tersebut.
- c. Setiausaha perlu mengemukakan **apa** yang telah terjadi pada tahun itu.

‘Apa’ sepatutnya berfungsi sebagai kata tanya, dan sekiranya ayat tersebut bukan bertujuan untuk bertanya, maka kata ‘apa’ tadi perlu digandakan menjadi ‘apa-apa’ atau digantikan dengan kata nama yang bersesuaian. Maka, ia akan berfungsi sebagai ayat penyata. Sepatutnya, ayat di atas ditulis begini:

- a. Laporan ini mengulas tentang **apa-apa** yang diperoleh dan didapati selepas tamat suatu sesi.
- b. Ulasan ini menceritakan tentang **apa-apa** yang terjadi pada sepanjang tahun tersebut.
- c. Setiausaha perlu mengemukakan **laporan** yang telah terjadi pada tahun itu.

Kesalahan penulisan ‘yang mana’

Tidak dinafikan semasa menulis, ramai antara penulis yang akan menggunakan frasa ‘yang mana’, baik dalam buku atau penulisan dalam artikel, jurnal mahupun makalah akademik lain. Jadi, ramai yang menganggap penggunaan ‘yang mana’ itu betul kerana berleluasa digunakan. Begitu juga halnya dengan penulisan esei pelajar. Pelajar cenderung menggunakannya, sebagai gantian bagi perkataan ‘which’ dalam bahasa Inggeris. Lebih jelas lagi, kesilapan tersebut menunjukkan pengaruh ayat bahasa Inggeris dalam ayat bahasa Melayu. Contoh ayat dalam esei pelajar:

Forum perbahasan ialah forum yang bersifat kontroversial atau pertentangan pendapat. Tajuk untuk forum ini hendaklah diberikan lebih awal sebelum majlis

berlangsung, **yang mana** para panel dapat mencari maklumat tentang isu tersebut dan membuat persediaan yang lebih rapi.

Ayat tersebut boleh sahaja digantikan dengan kata hubung yang bersesuaian mengikut konteks ayat tersebut. Misalnya:

Forum perbahasan ialah forum yang bersifat kontroversial atau pertentangan pendapat. Tajuk untuk forum ini hendaklah diberikan lebih awal sebelum majlis berlangsung, **supaya/agar** para panel dapat mencari maklumat tentang isu tersebut dan membuat persediaan yang lebih rapi

Kesalahan penulisan ‘di mana’

Begitu juga dengan penggunaan frasa ‘di mana’ dalam ayat yang banyak dipengaruhi oleh struktur ayat dalam bahasa Inggeris. Seperti juga frasa ‘yang mana’, ‘di mana’ juga kerap kali digunakan oleh pelajar. Misalnya:

Bentuk forum yang ketiga ialah forum perbahasan **di mana** dalam forum ini ahli panel terdiri daripada empat orang dan seorang pengerusi.

Ayat yang betul ialah:

Bentuk forum yang ketiga ialah forum perbahasan. Forum ini terdiri daripada empat orang ahli panel dan seorang pengerusi.

Jika pelajar menggunakan ayat dengan betul, frasa ‘di mana’ sebenarnya, sama sekali boleh dielakkan dalam ayat, sebagaimana pembetulan ayat di atas. Selain itu, dalam sesetengah ayat, frasa ‘di mana’ boleh digantikan dengan ‘iaitu’ jika konteks ayatnya bersesuaian. Perlu diingatkan juga, frasa ‘di mana’ hanya boleh digunakan untuk menyoal, seperti Di mana rumah kamu?, dan bukannya digunakan dalam ayat penyata.

Penutup

Berdasarkan perbincangan di atas, dapat dilihat ada pelbagai kesalahan morfologi dan sintaksis yang telah dilakukan oleh pelajar. Pelajar didapati cuai dalam penulisan dan tanpa rasa bersalah telah melakukan kesalahan bahasa yang sama dan berulang-ulang. Hal ini boleh mengundang gambaran negatif ke atas peribadi pelajar itu sendiri sebenarnya. Perkara ini seharusnya disadari oleh pelajar. Pelajar wajib cakna dengan bahasa tulisan yang dihidangkan kepada pemeriksa atau pensyarah mereka. Bahasa tulisan pelajar yang tidak mengikut norma yang sepatutnya dikhuatiri akan menjadi satu budaya yang kekal dalam diri pelajar ketika menulis, seterusnya meninggalkan impak yang negatif ke atas kemahiran berbahasa pelajar. Situasi ini mampu menggugat kredibiliti bahasa Melayu sebagai wahana bahasa tulisan aras tinggi.

Rujukan

- Abdullah Hassan. 1992. *Bahasa Melayu STPM Kertas 1 dan 2*. Kuala Lumpur: Fajar Bakti.
- Asmah Haji Omar. 1982. *Language and society in Malaysia*, 2nd edn. Selangor: Percetakan Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Bokamba. E. G. 1988. *Code-Mixing, Language Variation And Linguistic Theory Lingua*. Jurnal Pendidikan.
- Chomsky, Noam. 1957. *Syntactic Structure* : The Hague : Mouton.
- Holmes, J. 1992. *An Intoduction to Sociolinguistics*. London: Longman.
- Kamarudin Hj. Husin. 1999. *Pengajaran Lisan : Kemahiran Mendengar dan Bertutur*. Kuala Lumpur : Kumpulan Budiman Sdn. Bhd.
- Kamarudin Hj. Husin. 2003. *Kemahiran Berfikir dan Berkomunikasi*. Kuala Lumpur : Kumpulan Budiman Sdn. Bhd.
- Nik Safiah Karim et al. 2013. *Tatabahasa Dewan Edisi Ketiga*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Noriah Mohamed. 1998. *Sosiolinguistik Bahasa Melayu Di Malaysia*. Pulau Pinang: Penerbit Universiti Sains Malaysia.